

ISU-ISU MUAMALAT DALAM PAKEJ MEMANCING DI KOLAM BERBAYAR

AHMAD MURSHIDI BIN MUSTAPHA, MOHD ROFAIZAL IBHRAIM

MOHD MUSA BIN SARIP & MUHAMAD ISMAIL BIN ABDULLAH

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Bangi Selangor.

ahmadmurshidi@kuis.edu.my, mohdrofaizal@kuis.edu.my, mmusa@kuis.edu.my,

muhamadismail@kuis.edu.my

ABSTRAK

Aktiviti memancing di kolam berbayar menjadi tumpuan kaki pancing untuk menjalankan hobi mereka. Pengusaha kolam pancing menyediakan pelbagai pakej memancing di samping mengenakan caj sewa ruang memancing untuk menarik minat kaki pancing. Terdapat juga pengusaha kolam pancing berbayar yang menjanjikan hadiah lumayan dalam bentuk permainan yang mengandungi unsur perjudian seperti ‘pecah tabung’ dan ‘jackpot’ bagi pemancing yang berjaya menaikkan ikan melebihi berat tertentu. Ada juga pakej memancing yang mengenakan bayaran mengikut berat ikan yang berjaya dinaikkan oleh pemancing. Selain itu juga pengendalian kolam memancing seperti tempoh masa berada di kolam dan jumlah ikan yang dilepaskan dalam kolam, hasil tangkapan yang diperolehi tidak menjadi milik pemancing dan seumpamanya perlu kepada penilaian daripada perspektif Syariah. Caj sewa kolam untuk memancing atau menangkap ikan telah menjadi perbahasan dalam kalangan ulama silam dan ilmuan kontemporari Islam. Pandangan-pandangan hukum yang dikemukakan daripada kalangan ahli agama mengharuskan memancing di kolam berbayar perlu dilihat dan dianalisis untuk mendapatkan pandangan yang jelas dari sudut *takyif fiqhi*. Keputusan fatwa juga telah mengharuskan hukum memancing di kolam berbayar dan juga hukum pertandingan memancing dengan syarat mematuhi garispanduan syariah. Namun masih banyak pakej aktiviti yang berlaku di kolam pancing yang memerlukan kepada penentuan hukum yang sesuai. Justeru, kajian ini akan mengenalpasti pakej aktiviti memancing yang ditawarkan oleh pengusaha kolam pancing dan menjelaskan pandangan hukum yang telah diputuskan dalam beberapa pakej aktiviti memancing berdasarkan perspektif Syariah. Dapatan yang diperolehi boleh dijadikan sebagai panduan dalam meletakkan cadangan penyelesaian Syariah untuk aktiviti-aktiviti memancing di kolam berbayar dan membuka ruang kajian yang lebih terperinci dalam isu-isu yang dibincangkan. Ini juga akan membantu para pengusaha kolam pancing berbayar dan kaki pancing untuk lebih berhati-hati dengan aktiviti memancing yang menyalahi syarak.

Kata kunci: *pakej memancing, isu muamalat, kolam berbayar*

1.0 Pengenalan

Memancing merupakan salah satu daripada punca mendapatkan bekalan makanan untuk manusia satu ketika dahulu sehingga sekarang. Aktiviti ini telah menjadi salah satu daripada hobi masyarakat Malaysia sehingga dikomersilkan dalam bentuk memancing di kolam. Kolam yang disediakan memberi ruang yang lebih mudah kepada kaki pancing untuk melaksanakan hobi mereka sebagai alternatif memancing di laut ataupun sungai. Namun, aktiviti memancing di laut dan sungai masih dilakukan dalam bentuk yang lebih efesien.


Mengkomersilkan kolam pancing bukan sahaja bertujuan untuk memberi ruang kepada kaki pancing untuk melaksanakan hobi mereka, bahkan pelbagai aktiviti lain dengan pakej-pakej yang menarik disediakan sama ada bentuk pertandingan dan juga pakej memancing biasa. Jumlah kolam pancing ini bertambah dengan permintaan yang bertambah daripada pelanggan atau penggemar aktiviti memancing.

Dengan perkembangan kolam-kolam pancing ini, beserta kepelbagaiannya pakej yang ditawarkan, semestinya akan melibatkan perbahasan hukum hakam dalam kalangan ilmuan Islam kontemporari. Ini bagi membantu masyarakat Islam secara khususnya untuk memahami dan menggunakan pakej-pakej tersebut yang bersesuaian dengan apa yang telah digariskan oleh Islam. Justeru, kajian ini akan mengenalpasti aktiviti-aktiviti serta pakej-pakej yang disediakan di kolam-kolam pancing secara umumnya dan menganalisisnya berdasarkan pandangan Syariah. Disebabkan kajian-kajian berkaitan dengan aktiviti-aktiviti memancing di kolam pancing adalah terhad, maka antara sumber kajian ini yang digunakan adalah temubual secara tidak berstruktur terutamanya dalam memperolehi data-data berkaitan dengan aktiviti dan pakej memancing tersebut. Data-data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan metode analisis kandungan.

2.0 Konsep Kolam Pancing Berbayar

Hobi memancing bukan sesuatu yang baru dalam masyarakat di Malaysia. Aktiviti ini merangkumi pelbagai lapisan peringkat umur kerana keseronokan dan kepuasan tertentu. Antara faktor-faktor pendorong kepada wujudnya kolam pancing berbayar adalah kerana risiko

memancing di lautan, kadar kos yang perlu dibelanjakan dan lain-lain. Justeru, pengusaha-pengusaha kolam pancing menjadikan kolam mereka sebagai alternatif kepada kaki pancing untuk menjalankan hobi mereka. Penerimaan masyarakat terhadap kolam pancing lebih memberansangkan kerana kedudukan yang sesuai, kos yang rendah, kepelbagaiannya ikan yang ditawarkan dan pakej serta aktiviti yang menarik. Perkembangan ini membuka peluang perniagaan kepada pengusaha kolam pancing berbayar dengan penetapan caj-caj tertentu. Berikut disenaraikan antara beberapa kolam pancing berbayar yang ada di sekitar negeri di Malaysia.



Rajah 1: Jumlah Kolam Pancing Berbayar Di Negeri-negeri Di Malaysia

Jumlah kolam di Selangor dilihat lebih banyak berbanding negeri lain. Namun ini tidak menafikan permintaan dan kecenderungan memancing kurang di negeri-negeri selain Selangor. Faktor persekitaran mempengaruhi minat dan hobi pemancing sama ada memancing di kolam pancing ataupun di lautan. Jumlah tersebut mungkin tidak tepat kerana masih ada kolam pancing yang tidak berdaftar secara rasmi dan kedudukannya yang terpencil.

Menurut Amirul Azhar (2019), kolam pancing berbayar juga dikenali sebagai kolam pancing komersil. Kolam pancing komersil ini terbahagi kepada dua kategori iaitu kolam air masin dan kolam air tawar. Kedua-dua kolam pancing tersebut mengamalkan konsep yang berbeza-beza antara satu sama lain, namun perbezaannya tidak ketara. Kolam pancing air tawar mempunyai beberapa konsep iaitu konsep berlauk, konsep pancing dan timbang, konsep bayar balik duit ikan, konsep ranking dan jackpot dan konsep tangkap dan lepas sepenuhnya. Konsep ini juga terdapat di kolam pancing air masin namun terdapat sedikit perbezaan dari aspek pelaksanaannya. Berikut merupakan bentuk-bentuk pelaksanaan konsep yang digunakan di kolam pancing berbayar:

Jadual 1: Bentuk Pelaksanaan Konsep Memancing Di Kolam Pancing Berbayar

Bil.	Konsep	Bentuk Pelaksanaan
1.	Berlauk	Pemancing dikenakan bayaran yuran memancing dan hasil tangkapan boleh dibawa pulang
2.	Pancing dan timbang	Pemancing dikenakan yuran yang rendah dan sekiranya ingin membawa pulang hasil tangkapan, bayaran akan dikenakan berdasarkan berat ikan yang diperolehi
3.	Bayar balik duit ikan	Konsep ini sama dengan konsep pancing dan timbang
4.	Ranking dan jackpot	Pemancing tidak dibenarkan membawa pulang hasil tangkapan dan dikenakan bayaran yuran memancing. Sekiranya jumlah berat ikan yang diperolehi adalah yang terberat atau mencapai sasaran yang ditetapkan, bonus atau hadiah wang tunai akan diberikan mengikut kadar tertentu
5.	Tangkap dan lepas sepenuhnya (<i>catch and release</i>)	Lebih kepada bentuk konsep ' <i>sport fishing</i> ' yang mana pemancing akan dikenakan bayaran tertentu untuk memancing ikan sukan atau <i>game fish</i> dan tidak akan mendapat apa-apa imbuhan

Umumnya, konsep-konsep tersebut digunakan dalam aktiviti memancing sama ada di kolam air tawar dan kolam air masin. Namun, terdapat beberapa perbezaan di antara kedua-dua kolam tersebut yang menjadi pilihan kaki-kaki pancing. Antaranya ialah jenis ikan yang

dilepaskan dalam kedua-dua kolam tersebut adalah berbeza. Bayaran yuran masuk di kolam pancing air masin lebih mahal berbanding kolam pancing air tawar (Syed Abdul Aziz: 2019).

3.0 Bentuk-bentuk Pakej Aktiviti Yang Ditawarkan Di Kolam Berbayar

Perkhidmatan yang disediakan di kolam pancing bukan dalam bentuk percuma semata-mata. Perkhidmatan di sini dikenakan bayaran tertentu sesuai dengan apa yang ditawarkan oleh pengusaha-pengusaha kolam. Di samping itu juga, pakej-pakej yang pelbagai ditawarkan untuk menarik minat pemancing. Di sini akan disenaraikan beberapa jenis perkhidmatan dan pakej aktiviti yang kebiasaan digunakan di kolam-kolam pancing berbayar.

3.1 Bayaran Yuran Masuk

Di semua kolam pancing berbayar akan dikenakan bayaran masuk bagi setiap pengunjung yang masuk untuk memancing. Bayaran ini berbeza bagi setiap kolam berdasarkan penetapan kadar khusus oleh pengusaha kolam. Perbezaan bayaran juga bergantung kepada jenis kolam sama ada kolam air tawar atau kolam air masin. Kolam air tawar kebiasaan RM 10.00 untuk tempoh dua jam ataupun RM 20.00 untuk tiga jam. Bayaran masuk di kolam air masin pula RM 40.00 untuk tempoh tiga jam. Kadar ini adalah kebiasaan yang digunakan tetapi ianya bukan kadar tetap kerana bergantung kepada tempat dan pengusaha kolam masing-masing (Syed Abdul Aziz: 2019). Di sesetengah kolam pancing, kadar bayaran yuran masuk berbeza mengikut waktu. Waktu malam lebih mahal berbanding waktu siang. Perbezaan harga adalah kerana dilepaskan jumlah ikan yang lebih banyak dan juga ikan-ikan tertentu yang istimewa.

Bayaran yuran masuk juga dibuat dalam bentuk permit harian atau bulanan. Bayaran permit harian kebiasaan adalah kadar tetap yang dikenakan bagi setiap kali pemancing masuk memancing di kolam tersebut. Bagi bayaran permit bulanan, kebiasaannya disediakan bagi pemancing yang kerap memancing di sesebuah kolam. Keistimewaan permit bulanan ini adalah lebih murah dan berbaloi jika dibandingkan dengan permit harian bagi mereka yang kerap memancing di kolam tersebut. Selain daripada itu juga, sesetengah pengusaha kolam pancing

menyediakan pas keahlian sebagai galakkan dan tarikan kepada pemancing untuk memancing di kolam mereka. Diskaun tertentu diberikan berdasarkan penetapan oleh pengusaha.

Di sesetengah kolam pancing, bayaran masuk dikenakan atas kiraan joran yang digunakan oleh pemancing. Bayaran masuk kali pertama dikira dengan kiraan sebatang joran dan untuk tambahan joran dikenakan bayaran lain tetapi dengan kadar yang lebih rendah. Bagi pemancing yang membawa kanak-kanak, kebiasaan kolam pancing menetapkan bayaran khusus bagi kanak-kanak. Namun terdapat juga bayaran bagi kanak-kanak yang sama dengan bayaran dewasa. Umumnya, bagi bayaran masuk kolam pancing ini, para pengusaha sebagai pemilik kolam pancing mempunyai hak untuk menetapkan kadar bayaran dengan bentuk-bentuk pakej tertentu.

3.2 Hasil Tangkapan

Setiap hasil tangkapan yang diperolehi tidak semestinya akan menjadi milik pemancing tersebut. Ini berdasarkan pakej yang diambil oleh setiap pemancing sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini dalam konsep-konsep yang disediakan di kolam-kolam pancing berbayar. Antara contohnya ialah bagi kolam air masin, dengan bayaran RM 40.00 pemancing dibenarkan membawa balik sebanyak mana ikan yang mampu diperolehi. Terdapat juga sesetengah pengusaha kolam yang menetapkan syarat bahawa berat ikan yang melebihi 3 kilogram akan dibayar oleh pengusaha dengan harga yang tertentu bagi sekilogram berat (Syed Abdul Aziz: 2019).

Dalam pada itu juga, terdapat sesetengah kolam air masin yang menetapkan supaya ikan yang diperolehi mesti dilepaskan kembali ke dalam kolam. Pakej ini seumpama memberi ruang kepada pemancing untuk melaksanakan hobi mereka semata-mata. Kaedah terbaru yang digunakan oleh sesetengah pengusaha kolam pancing kini adalah dengan menjual ikan kepada pemancing dengan harga tertentu dan ikan tersebut dikira sebagai hak milik pemancing. Namun kadar harga ikan yang dijual tersebut kebiasaanya lebih mahal daripada harga pasaran biasa. Pemancing dibenarkan masuk dan memancing selama dua jam dan sekiranya memperolehi ikan ketika memancing maka ikan tersebut dikira sebagai miliknya (Syed Abdul Aziz: 2019).

Daripada bentuk-bentuk pakej yang disediakan khusus bagi hasil tangkapan yang diperolehi, dapat dirumuskan bahawa pemancing di kolam pancing berbayar tidak semestinya menginginkan hasil tangkapan tersebut untuk di bawa balik. Melalui konsep tangkap dan lepas sebagai contohnya, pemancing hanya menginginkan kepuasan menaikkan dan memperolehi hasil daripada aktiviti memancing. Namun daripada pakej-pakej tersebut, perlunya penilaian yang menepati perspektif Syariah.

3.3 Pertandingan Memancing

Pertandingan memancing adalah salah satu aktiviti yang lazim di setiap kolam pancing. Ini adalah sebagai tarikan kepada para pemancing. Setiap pertandingan akan disertakan dengan hadiah dan kebiasaannya adalah hadiah berbentuk wang tunai. Bentuk pertandingan yang ditawarkan juga adalah berbeza-beza sebagai tarikan tersendiri daripada pengusaha kolam.

Kadar bayaran masuk kolam pancing kebiasanya adalah tetap melainkan pada hari yang diadakan pertandingan. Harga pada ketika itu akan dinaikkan dan berbeza daripada harga waktu biasa. Dalam aspek pertandingan memancing di kolam pancing berbayar ini, para pengusaha akan menawarkan bentuk hadiah yang pelbagai. Antaranya seperti tawaran hadiah sebanyak RM 10 000 kepada pemenang dengan dikenakan bayaran masuk beserta dengan joran sebanyak RM 50.00. Pertandingan tersebut dihadkan masa sekitar dua jam. Pemenang akan diputuskan berdasarkan kepada berat ikan yang diperolehi. Hadiah yang ditawarkan tersebut kebiasaan adalah daripada hasil kutipan bayaran masuk peserta (Syed Abdul Aziz: 2019).

Selain itu, bentuk pertandingan yang dibuat oleh sesetengah pengusaha kolam pancing ialah ‘jackpot’. Berat ikan yang diperolehi oleh setiap pemancing akan dicatat dalam tempoh satu bulan. Di akhir bulan, berat ikan-ikan yang telah dikail akan dinilai untuk mengenalpasti ikan yang paling berat. Pemenang akan dihubungi dan akan diberikan hadiah oleh pengusaha kolam. Bayaran hadiah adalah berdasarkan kutipan bayaran masuk kolam tersebut. Di samping pertandingan memancing tersebut, terdapat sesetengah pengusaha kolam akan membuat

pertandingan sampingan lain seperti ‘tikam biji betik’. Pemancing-pemancing yang ada di kolam pancing ditawarkan untuk meneka bilangan biji yang terdapat dalam sebiji betik dengan bayaran tertentu. Kebiasaanya setiap pemancing yang meneka akan dikenakan bayaran RM 1.00 untuk sekali tekaan dan dibenarkan untuk meneka lebih daripada sekali. Hadiah adalah dalam bentuk wang ringgit (Syed Abdul Aziz: 2019). Bentuk aktiviti ini melibatkan unsur judi yang diharamkan dalam Islam.

Terdapat pertandingan memancing yang berdasarkan berat ikan yang diperolehi. Ikan yang paling berat akan memenangi pertandingan tersebut dengan hadiah-hadiah yang telah ditawarkan. Selain itu, terdapat juga bentuk pertandingan seperti ‘*boll* dalam mulut ikan’. Pertandingan ini dikira bagi mereka yang berjaya menaikkan ikan dengan kedudukan mata kail berada dalam mulut ikan tersebut. Kedudukan mata kail akan dinilai beserta dengan berat ikan yang diperolehi. Berat ikan tersebut akan menentukan sama ada ‘*boll* penuh’ ataupun ‘*boll* tidak penuh’. Namun, dalam pertandingan-pertandingan yang ditawarkan akan ada bentuk-bentuk penipuan semata-mata untuk mendapatkan hadiah. Antaranya ialah menipu timbangan, seludup ikan, ikan tambat, rasuah dan lain-lain (Amang: 2018).

4.0 Analisis Pandangan Hukum Bagi Pakej Aktiviti Memancing di Kolam Pancing Berbayar

Pakej-pakej aktiviti memancing yang ditawarkan di kolam pancing berbayar, perlunya penilaian yang menepati Syariah supaya pengusaha dan pemancing yang muslim secara khususnya terjaga daripada unsur-unsur yang diharamkan dalam Islam. Kajian ini merupakan kajian awal yang akan mencetuskan percambahan kajian yang lebih terperinci khususnya dalam menetapkan hukum yang sesuai. Beberapa fatwa dan pandangan hukum berkaitan dengan hukum-hukum yang diputuskan dalam aktiviti memancing telah diputuskan di Malaysia, Indonesia dan juga beberapa negara yang terpilih. Di sini pengkaji akan menyenaraikan antara daripada fatwa dan pandangan hukum yang telah diputuskan untuk isu-isu berkaitan dengan pakej aktiviti memancing di kolam pancing. Antaranya ialah fatwa Jabatan Mufti Sabah iaitu Hukum Menyertai Pertandingan Memancing yang telah diwartakan pada 7 Disember 2017 (<http://e-smaf.islam.gov.my/>):

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2017 telah bersidang pada 21-23 Februari 2017M/24-26 Jamadilawal 1438H, bertempat di Bilik Likas, Hotel Horizon, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Hukum Menyertai Pertandingan Memancing” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negei Sabah bahawa:

1. *Hukum asal pertandingan memancing adalah harus selagi mana mematuhi garis panduan syariah.*
2. *Sekiranya hadiah ditaja oleh pihak ketiga yang tidak memasuki pertandingan maka ia adalah harus.*
3. *Sekiranya pertandingan tersebut mengambil yuran penyertaan bagi tujuan memberi hadiah kepada peserta, maka ia adalah haram kerana dikira sebagai Qimar (judi) dan bertentangan dengan konsep ‘Iwad (pulangan) iaitu hanya memberi manfaat kepada pemenang.*
4. *Mana-mana orang Islam yang ingin menganjurkan atau menyertai pertandingan memancing hendaklah memastikan ia bersih daripada sebarang unsur perjudian atau penipuan selaras dengan kehendak syarak.*

Fatwa di Jabatan Mufti Kedah iaitu Isu Pertandingan Memancing Di Kolam Memancing telah diputuskan pada 2007 tetapi fatwa ini tidak diwartakan (<http://e-smaf.islam.gov.my/>):

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah berpendapat bahawa hukumnya adalah harus sekiranya pengusaha kolam ikan atau penganjur pertandingan yang mengenakan yuran dengan kadar tertentu kepada peserta pertandingan memancing. Kutipan wang tersebut digunakan untuk memberi hadiah kepada peserta yang memenangi pertandingan memancing termasuk juga untuk tujuan pengurusan kolam. Oleh itu, kutipan yuran pertandingan adalah milik pengusaha kolam atau penganjurnya.

Ini berdasarkan kepada;

أَن يَكُونُ الْعَوْضُ مِنَ السُّلْطَانِ أَوْ أَحَدِ الرِّعَاسِ أَوْ شَخْصٍ ثَالِثٍ، يَأْخُذُهُ السَّابِقُ، وَهَذَا جَائزٌ اتِّفَاقًا

Maksudnya:

Ganjaran atau hadiah hendaklah datang daripada raja atau salah seorang pemimpin atau orang (pihak) ketiga, pemenang berhak menerima hadiah tersebut. Ulama' sepakat mengharuskan cara ini.

Tetapi sekiranya kutipan tersebut dibuat sesama peserta memancing dan menentukan sesiapa yang menang mendapat hadiah dan yang kalah tidak mendapat apa-apa dan wang penyertaan dikira hilang (hangus) maka ini adalah tidak harus dan haram kerana ia termasuk dibawah القمار (judi).

Fatwa daripada Jabatan Mufti Selangor juga membincangkan hukum menyertai pertandingan memancing yang dikenakan yuran penyertaan:

Soalan : Apakah hukum menyertai pertandingan memancing yang dikenakan yuran penyertaan?

Jawapan : Hukumnya adalah harus dan tidak dianggap sebagai satu perjudian kerana bayaran tunai tersebut merupakan bayaran terhadap penggunaan daripada segala bentuk perkhidmatan yang telah disediakan oleh pihak pengajur seperti kolam dan sebagainya.

Jabatan Mufti Wilayah menjelaskan kedudukan hadiah yang diberikan hasil daripada bayaran yuran adalah dilarang kerana termasuk daripada unsur pertaruhan (<https://muftiwp.gov.my/>). Untuk memastikan pemberian hadiah dalam mana-mana pertandingan, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah meletakkan Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah. Beberapa unsur yang boleh membawa kepada haram perlu dihindari seperti exploitasi, pertaruhan, pembaziran, kesamaran dan bergantung kepada nasib (<http://www.islam.gov.my/>).

Nahdhatul Ulama menerusi sidang redaksi *bahthul masail*, menukikan hasil keputusan hukum yang telah diputuskan berkaitan dengan hukum memancing ikan di kolam pemancingan. Dua situasi dinyatakan yang berlaku di lapangan kolam pancing iaitu yang pertama pemancing membayar sejumlah wang tertentu untuk memancing di kolam tersebut. Hukumnya adalah haram kerana terdapat pihak yang memperolehi ikan yang banyak atau sedikit dan ada yang langsung tidak memperolehi hasil. Barang yang disewa tidak boleh jadi hak milik melalui akad sewaan. Situasi yang kedua yang mana pemancing memancing di kolam dan hasil tangkapan yang diperolehi kemudiannya ditimbang kemudian dibayar dengan nilai yang telah disepakati. Hal ini diharuskan kerana terlibat dengan akad yang sah iaitu jual beli (<https://islam.nu.or.id/>). Namun keputusan hukum tersebut adalah pada tahun 1934 dan pengkaji berpendapat perlunya penilaian hukum terbaru sesuatu dengan realiti semasa.

Beberapa pandangan hukum daripada ilmuan Islam lain dinukilkan sebagai penyataan pandangan bagi isu-isu yang berkaitan dengan pakej-pakej aktiviti memancing di kolam pancing. Menurut Amni Nur Baits (2014), hukum memancing sebagai hiburan iaitu salah satunya sebagai hobi. Beliau menukilkan hadis-hadis sebagai sandaran hukum dan menyatakan kedudukan perbuatan tersebut sebagai haram kerana terdapat unsur menzalimi binatang. Hadi Rofiee (t.t)

berpendapat hukum memancing di kolam berbayar adalah diharuskan sekiranya bayaran yang dikenakan adalah atas sewaan ruang dan tempat. Namun masih terdapat *gharar* dalam pelaksanaan tersebut disebabkan jumlah ikan yang mungkin diperolah adalah berbeza antara satu sama lain. Hal ini masih haruskan kerana *gharar* yang berlaku adalah *gharar* yang kecil.

Menurut mufti Perlis, Asri Zainal Abidin (2014) pula, bayaran sewa untuk memancing diharuskan tetapi sekiranya bayaran memancing untuk ikan yang akan dipancing adalah haram kerana melibatkan unsur judi. Menurut Buya Yahya (2018), memancing di kolam dengan bayaran ikan berdasarkan berat ikan adalah diharuskan. Namun sekiranya bayaran masuk kolam dikira atas jualan ikan yang akan diperolehi dan bayaran tersebut adalah kadar yang tetap, maka diharamkan. Ini kerana akan ada pemancing yang dapat jumlah ikan berbeza-beza tetapi dengan kadar bayaran adalah sama. Sekiranya akad tersebut adalah berdasarkan sewaan tempat maka diharuskan.

Fatwa dan pandangan hukum yang telah dinyatakan tersebut antara daripada penyelesaian Syariah yang telah diputuskan. Namun masih banyak pakej-pakej aktiviti yang dijalankan di kolam pancing berbayar yang memerlukan kepada penilaian hukum yang tepat bersesuaian dengan realiti yang berlaku. Isu-isu muamalat wujud bermula daripada bayaran masuk yang ditetapkan oleh pengusaha kolam pancing sehingga kepada aktiviti dalaman seperti pertandingan, konsep hasil tangkapan dan seumpamanya. Justeru perlunya kajian yang lebih terperinci dan komprehensif berkaitan isu-isu tersebut. Dalam masa yang sama perlunya alternatif yang sesuai menurut perspektif syarak untuk memurnikan pakej-pakej aktiviti tersebut.

5.0 Kesimpulan

Kolam pancing berbayar telah menjadi satu perusahaan yang mampu menjana ekonomi bagi pengusaha. Dalam masa yang sama, kolam ini adalah tempat yang sesuai untuk pemancing melaksanakan hobi mereka tanpa perlu mengeluarkan kos yang banyak jika dibandingkan dengan memancing di lautan. Bahkan kepelbagaian pakej yang disediakan untuk menarik minat pengunjung ditawarkan oleh pengusaha kolam pancing berbayar.

Walaubagaimanapun, setiap pakej aktiviti yang ditawarkan tersebut perlu kepada penilaian Syariah supaya tidak timbul unsur-unsur *gharar* (penipuan), judi dan sebagainya. Hal

ini bagi memastikan aktiviti yang berlaku di kolam pancing berbayar menepati kehendak Islam dan tidak hanya untuk kepuasan pemancing atau keuntungan pengusaha. Hasil kajian ini akan mencetuskan kajian yang lebih komprehensif dan mampu memberi sumbangan bermanfaat sama ada kepada pengusaha kolam, pemancing dan pihak-pihak berwajib seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai pengeluar lesen atau pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Mufti Negeri untuk mengeluarkan hukum bagi kemaslahatan semua.

Rujukan

- Amang. 2018. <https://www.umpan.com.my/teknik-menipu-dalam-pertandingan-memancing/>. Tarikh akses 21 September 2019.
- Temubual Abdul Aziz Syed Zainal. Tarikh 16 September 2019
- <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15842>. Tarikh akses 21 September 2019.
- <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1209-al-kafi-284-yuran-pertandingan-sebagai-hadiah>. Tarikh akses 22 September 2019.
- <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/109-garis-panduan-peraduan-berasaskan-hadiah>. Tarikh akses 22 September 2019.
- <https://islam.nu.or.id/post/read/100549/hukum-memancing-ikan-di-kolam-pemancingan>. Tarikh akses 22 September 2019.
- <https://konsultasisyariah.com/22211-hukum-mancing-ikan-untuk-hiburan.html>. Tarikh akses 22 September 2019.
- <http://www.hadirofiee.com/hukum-memancing-di-kolam-berbayar.html>. Tarikh akses 22 September 2019.
- Hukum Memancing Berbayar - Buya Yahya Menjawab <https://www.youtube.com/watch?reload=9&v=sn2nnfpGQcM>. Tarikh akses 22 September 2019.
- Ikan - Pancing, Tangkap & Lepas?. <https://www.youtube.com/watch?v=Ght0Z2fOUWg>. Tarikh akses 22 September 2019.